



DBKL mempunyai jadual untuk memangkas dan memotong dahan pokok yang sudah tua bagi mengelak kejadian tidak diingini.  
- Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

Oleh Samadi Ahmad  
am@hmetro.com.my

#### Putrajaya

**B**agi mengelak insiden berulang, Jabatan Landskap Negara diarahkan meneliti dan mengenal pasti spesies pokok 'selamat' yang sesuai ditanam di kawasan bandar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Nga Kor Ming berkata, perkara itu sudah dibincangkan dalam Mesyuarat Kabinet dan langkah berkaitan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Menurutnya, spesies pokok yang sesuai itu akan ditanam di sepanjang jalan di samping mementingkan keselamatan orang awam.

Katanya, setakat ini sebanyak 28 baki pokok yang ada di Kuala Lumpur belum dipangkas dan kementerian sentiasa memandang serius tentang keselamatan orang awam.

"Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mempu-

#### POKOK LANDSKAP TEPI JALAN

# Kenal pasti spesies selamat

nyai jadual untuk memangkas dan memotong dahan pokok yang sudah tua bagi mengelak berlaku kejadian tidak diingini," katanya selepas majlis prapelancaran Hari Landskap Negara 2024

(HLN 2024) di Taman Persahabatan China-Malaysia di Presint 4 di sini, kelmarin.

Menerusi hantaran di aplikasi X kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanam semula 100 pokok ba-

haru bagi setiap pokok yang terpaksa ditebang.

Langkah itu juga susulan beberapa insiden pokok tumbang di ibu kota dalam masa sebulan hingga ada yang maut akibat kejadian tidak diduga itu.

Insiden yang berlaku pada 7 Mei lalu di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur itu menyebabkan seorang lelaki maut dan seorang cedera selepas dihempap sebatang pokok tumbang susulan hujan lebat dan angin kencang.

Mengenai HLN 2024, Nga berkata, Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berkenan berangkat merasmikan sambutan HLN 2024 di Taman Tasik Shah Alam, Selangor pada 25 Mei ini.

Menurutnya, ini adalah kali pertama dalam sejarah Yang di-Pertuan Agong berangkat mencemar duli untuk merasmikan Hari Lanskap Negara.

Katanya sambutan HLN 2024 yang juga sambutan kali ke-25 bertemakan 'Industri Lanskap Pemacu Pembangunan Madani akan diadakan selama 10 hari bermula pada 24 Mei ini dan dijangka dihadiri 50,000 pengunjung.

**“  
Kementerian  
sentiasa pandang  
serius mengenai  
keselamatan  
orang awam  
Nga Kor Ming**